



MEMO
JABATAN BENDAHARI
UNIT PEMBAYARAN

Kepada : Semua Pusat Tanggungjawab
Daripada : Bendahari
Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 22 (63)
Tarikh : 11 Oktober 2024
08 Rabiulakhir 1446H

**PERINGATAN BERKENAAN ISU-ISU PENGURUSAN PANJAR WANG RUNCIT DI PUSAT-
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada laporan auditan pengurusan panjar wang runcit (PWR) di Pusat Tanggungjawab bertarikh 27 September 2024, perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, pihak Bahagian Audit Dalam telah menjalankan auditan pengurusan kewangan pada bulan April 2024 yang lalu dan membuat teguran dalam pengurusan panjar wang runcit iaitu tuntutan panjar wang runcit lewat diserahkan kepada pentadbiran PTj dan rekupan panjar wang runcit lewat dibuat oleh pihak PTj.
3. Sehubungan itu, semua PTj dimohon untuk mengambil tindakan segera terhadap isu-isu yang dibangkitkan seperti berikut:-
 - i. memberi peringatan kepada kakitangan masing-masing melalui emel atau mesyuarat supaya tuntutan PWR bersama resit diserahkan dengan kadar segera kepada pihak pentadbiran PTj.
 - ii. membuat rekupan panjar wang runcit setelah 2/3 peruntukan wang panjar telah digunakan.


..12

4. YBrs. Tuan/Puan diingatkan supaya mematuhi segala peraturan dan garis panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengenai pengurusan panjar wang runcit. Perhatian serta kerjasama di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M). ASEAN CPA)
Bendahari
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Fail Timbul